

## KENALI ABJAD

Oleh

**Tajul Azhar Bin Abdul Wahab**

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan setelah mendapati Mawi, seorang murid Tahun 3 menghadapi masalah mengenal abjad. Saya mengambil keputusan untuk melaksanakan bimbingan secara intensif dengan merangka satu program khas untuk membantu mengatasi masalah Mawi. Setelah dua bulan melaksanakan program ini secara intensif, didapati masalah Mawi dapat dikurangkan. Walaupun usaha ini menampakkan hasil, tetapi bagi mengatasi sepenuhnya masalah ini, usaha yang berterusan adalah amat diperlukan agar Mawi akan menguasai asas mengenal dan menulis abjad sepenuhnya.*

#### **1.0 Pengenalan**


Sekolah Kebangsaan BO (SK BO) terletak kira-kira 31 kilometer daripada Institut Perguruan Malaysia Kampus Batu Lintang. SK BO dikelilingi oleh tiga buah kampung di mana murid-murid datang dari kampung-kampung tersebut. Selain itu, ada murid-murid dari dua buah kampung lain dan sebuah perumahan yang berdekatan. Sekolah ini mempunyai dua buah kelas untuk setiap darjah dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di samping dua buah prasekolah. Bagi tahun 2009, bilangan murid yang menjadi warga SK BO adalah seramai lebih kurang 400 orang dengan kakitangan sekolah seramai 36 orang. Murid-murid sekolah ini adalah seratus peratus berbangsa Melayu.

Saya mengajar Bahasa Melayu dan Matematik Pemulihan Khas Tahun 3 dan subjek sampingan Bahasa Melayu aliran perdana Tahun 3 sejak menjalani latihan mengajar di sekolah ini. Pada mulanya, saya agak kekok ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) tetapi bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa, segalanya berjalan lancar.


#### **1.2 Fokus Kajian**

Mawi merupakan kes yang dikaji dalam kajian ini. Walaupun beliau berusia sembilan tahun, beliau masih tidak menguasai abjad A hingga Z. Atas rasa tanggungjawab pada amanat yang telah diberi oleh pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang dan kepercayaan oleh pihak sekolah terutama guru pembimbing, saya cuba untuk mencari jalan mengatasi masalah Mawi lebih-lebih lagi, Mawi akan berusia 10 tahun pada tahun 2010 dan dia akan dikeluarkan secara automatik dari kelas pemulihan. Keadaan ini amat mengusarkan saya.

Kajian saya bermula apabila saya menyemak Ujian Diagnostik(UD) Bahasa Melayu Mawi. Mawi adalah seorang anak yatim dan ibunya pula adalah guru di SK BO. Saya dapati Mawi menghadapi masalah tidak mengenali huruf. Mawi boleh mengeja suku kata KV dan perkataan KV+KV tetapi tidak dapat menulis perkataan yang diejanya. Ini jelas ditunjukkan pada Rajah 1 dan 2 yang menunjukkan UD Bahasa Melayu Mawi untuk penulisan abjad kecil dan besar.



Rajah 1: UD abjad kecil Mawi




Rajah 2: UD abjad besar Mawi

Pada mulanya, saya beranggapan Mawi malas atau sengaja mencari perhatian dengan cara begini lalu saya menambah latihan KV+KV untuk Mawi. Saya dapati Mawi masih melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Walau bagaimanapun, Mawi adalah seorang murid yang aktif dalam proses p&p keadaan ini agak megelirukan saya. Mengikut kebiasaannya, murid pasif selalunya menghadapi masalah dalam pelajaran tetapi bagi kes Mawi pua adalah sebaliknya.

Analisis juga dibuat pada hasil *Good Enough Test* (GET) dan ditunjukkan seperti berikut.


$$\begin{aligned} \text{Darjah Kecerdasan (DK)} &= (9 \times 100) / 9 \\ &= 100.0 \text{ (Biasa)} \end{aligned}$$

Dapatan GET menunjukkan Mawi mendapat skor 100.0 iaitu kategori murid biasa atau normal mengikut usianya. Begitu juga hasil kerja GET Mawi seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.



Rajah 3: Hasil kerja GET Mawi

Setelah membuat perbincangan bersama pensyarah pembimbing, didapati keputusan daripada GET yang diperolehi Mawi tidaklah seperti yang saya jangkakan. Ini kerana Mawi mempunyai darkah kecerdasan yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya diperolehi oleh murid pemulihan iaitu 84.0 seperti yang ditunjukkan pada Lampiran A. Pada hakikatnya, beliau merupakan kanak-kanak pemulihan biasa yang tidak mengalami apa-apa kecacatan fizikal. Ini jelas bila dibandingkan dengan keputusan GET empat orang murid pemulihan lain seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.



Rajah 4: Lukisan manusia empat orang murid pemulihan lain

Analisis yang dibuat pada hasil GET keempat-empat murid pemulihan tersebut adalah seperti berikut.

1. Murid pertama: Latip

$$\begin{aligned}DK &= (8 \times 100) / 9 \\ &= 88.89 \text{ (Bawah)}\end{aligned}$$

2. Murid kedua: Manan

$$\begin{aligned}DK &= (9 \times 100) / 9 \\ &= 100.00 \text{ (Biasa)}\end{aligned}$$

3. Murid ketiga: Sham

$$\begin{aligned}DK &= (9 \times 100) / 9 \\ &= 100.00 \text{ (Biasa)}\end{aligned}$$

4. Murid keempat : Ali

$$\begin{aligned}DK &= (8 \times 100) / 9 \\ &= 88.89 \text{ (Bawah)}\end{aligned}$$

Pada umumnya, murid pemulihan tidak mempunyai masalah kerencatan akal atau terencat akal. Murid pemulihan sebenarnya merupakan murid-murid di kelas biasa yang menghadapi masalah pembelajaran. Untuk Mawi, walaupun dia merupakan murid pemulihan, mungkin dia mempunyai bakat untuk menghasilkan lukisan yang lebih baik berbanding murid pemulihan lain yang sama umur dengannya. Dengan kata lain, Mawi tidak mempunyai masalah berkenaan dengan kemahiran penggunaan motor halus. Oleh itu, saya melaksanakan Ujian Mewarna untuk menilai kemahiran motor halusnyanya. Pada pandangan saya, Mawi mempunyai skema warna objek yang baik. Dia boleh mewarna lukisan yang diberi dengan warna yang betul dan mewarna tidak melebihi sempadannya. Hasil kerja ujian mewarna Mawi adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.



Rajah 5: Hasil kerja ujian mewarna Mawi

Jadual 1 pula menunjukkan keputusan ujian kelima-lima orang murid pemulihan.

Jadual 1: Keputusan ujian 5 orang murid pemulihan

UJIAN \ NAMA	Mawi	Latip	Manan	Sham	Ali
GET	100.0	88.89	100.0	100.0	88.89
UD BM-Lisan	11.1%	76.3%	TH	TB	21.2%
UD BM-Praktik	63.0%	97.8%	78.3%	TB	67.4%
UD BM-Bertulis	18.3%	65.7%	41.1%	TB	29.1%
UD Matematik(BM)	63.6%	36.8%	78.0%	96.9%	86.3%
UD Matematik(BI)	52.8%	28.1%	TH	88.8%	86.5%
Ujian Pencapaian BM	8.9%	TH	TH	TB	8.9%

Nota: TH = Tidak Hadir  
TB = Tidak Berkaitan

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- mengenal pasti amalan p&p yang sesuai yang dapat membantu Mawi, dan
- membantu Mawi mengenal dan menulis abjad.

### 2.0 Perancangan Tindakan

Bagi mencapai objektif ini, saya telah merancang satu program bimbingan individu intensif yang melibatkan jangka masa dua bulan iaitu daripada bulan Ogos hingga September 2009. Saya memperuntukkan masa selama dua sesi seminggu dan satu jam bagi setiap sesi untuk pelaksanaan program bimbingan ini. Ini bertujuan untuk memberi peluang agar Mawi dapat menumpukan perhatian dan belajar asas-asas untuk mengenal abjad.

Program ini diadakan dalam bilik pemulihan khas dan dijalankan serentak dengan murid-murid pemulihan lain. Secara umumnya, aktiviti dibahagikan kepada empat fasa dan setiap fasa terdiri daripada empat sesi.

#### **Fasa pertama:**

Memperkenalkan abjad kecil dan besar seperti Aa Bb Cc.

**Fasa kedua:**

Mawi mengulang fasa pertama dan menulis abjad yang betul seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2 yang terdiri daripada abjad dan arahan pergerakan berikut.

A: *tarik, tarik, tolak*

B: *tarik, separuh bulat, separuh bulat*

C: *separuh bulat*

Jadual 2 : Kaedah menulis abjad

ABJAD	ARAHAN	PERGERAKAN
A	tarik, tarik, tolak	
B	tarik, separuh bulat, separuh bulat	
C	separuh bulat	
D	tarik, separuh bulat	
E	tarik, tolak, tolak, tolak	

**Fasa ketiga:**

Mawi mengulang aktiviti fasa pertama dan kedua. Saya pula memperkenalkan satu objek untuk setiap abjad dari A hingga M untuk mengukuhkan ingatan Mawi melalui perkaitan abjad dengan objek yang merupakan objek perlambangan seperti berikut.






A: *gambar menara Paris*

B: *gambar cermin mata yang didirikan*

C: *gambar bulan sabit di atas kubah masjid*

Jadual 3 menunjukkan contoh abjad-abjad dan objek perlambangan yang digunakan semasa fasa ketiga.

Jadual 3: Perlambangan objek untuk abjad pada Fasa 3

ABJAD	OBJEK PERLAMBAHAN
A	
B	
C	
D	
E	

**Fasa keempat:**

Mawi mengulang aktiviti fasa pertama hingga ketiga. Untuk fasa terakhir ini, Mawi diperkenalkan dengan abjad K hingga Z. Abjad-abjad tersebut dikaitkan dengan objek perlambangan seperti berikut.

*N:* gambar abjad Z berdiri

*O:* gambar syiling

*P:* gambar kapak

Rajah 4 menunjukkan contoh abjad-abjad dan objek perlambangan yang digunakan semasa fasa keempat.

Jadual 4: Perlambangan objek untuk abjad pada Fasa 4

ABJAD	OBJEK PERLAMANGAN
V	
W	
X	
Y	
Z	

Dalam masa yang sama, latih tubi dilaksanakan bagi meningkatkan daya ingatan Mawi. Latih tubi dilaksanakan semasa bimbingan individu. Gambar 1 menunjukkan Mawi melaksanakan aktiviti pengayaan.



Gambar 1: Aktiviti pengayaan

### 3.0 Pelaksanaan Tindakan dan Dapatan Kajian

Program ini dimulakan dengan pelaksanaan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu bertulis Kemahiran 1 (huruf kecil) dan Kemahiran 2 (huruf besar). Mawi mendapat 7/23 bagi ujian pertama dan kedua. Setelah selesai ujian, saya meminta Mawi menulis abjad Aa hingga Mm pada minggu pertama. Saya memberi latihan ini pada sesi pertama dan kedua. Semasa melaksanakan latihan ini, Mawi akan menyebut setiap abjad yang dituliskannya.



Seterusnya saya meminta Mawi menulis abjad yang saya sebut. Mawi masih melakukan kesalahan tetapi sudah berkurangan.

Untuk abjad Nn sehingga Zz, saya melaksanakan ujian yang sama. Pada masa itu, aktiviti sesi pertama diulang. Hasilnya, saya dapati Mawi berjaya mengurangkan kesalahan pada Nn hingga Zz tetapi kesalahan pada Aa hingga Mn kembali meningkat. Saya membuat kesimpulan bahawa Mawi adalah seorang murid yang cepat lupa. Justeru, aktiviti pengulangan amat penting dalam pembelajaran Mawi.

Untuk mengukuhkan lagi daya ingatan Mawi, latihan menulis abjad besar A hingga Z dilaksanakan. Mawi kurang berminat pada fasa ini tetapi fasa ini penting kerana merupakan salah satu aktiviti pengulangan. Pada hujung fasa ini, saya melaksanakan ujian. Mawi masih lagi melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, apabila Mawi tidak dapat menulis huruf D, saya memberi klu, tarik, separuh bulat. Mawi dapat menulis huruf D dengan betul.


Pada fasa ketiga dan keempat, Mawi menunjukkan minat yang tinggi dengan aktiviti bergambar. Gambar yang mempunyai bentuk seakan-akan abjad seperti menara Paris untuk huruf A ditunjukkan. Pada akhir fasa, saya dapati Mawi berjaya mengurangkan kesalahan dan mengingati beberapa abjad.

#### **4.0 Refleksi**

Setelah dua bulan melaksanakan program ini, saya dapati Mawi berjaya mengurangkan kesalahan yang dilakukannya. Tetapi usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi memastikan Mawi benar-benar pulih daripada masalahnya. Sepanjang masa menjalankan kajian ini, saya sedar bahawa perhatian yang lebih serius perlu diberi untuk mengatasi masalah Mawi. Keprihatinan terhadap sesuatu masalah amat penting agar kita dapat membantu masalah yang dihadapi oleh murid seperti Mawi semasa sesi pembelajaran. Walau bagaimanapun, kekangan masa benar-benar menyebabkan saya tidak dapat melaksanakan pengubahsuaian dan penambahbaikan terhadap program saya ini. Latihan mengajar selama tiga bulan dirasakan terlalu singkat berbanding tugas dan tanggungjawab saya selaku guru pelatih yang begitu banyak.

#### **Bibliografi**

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1982). *Buku panduan khas: Program Pemulihan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.



Skala darjah kecerdasan